

SEJARAH**1249/2****KERTAS 2****OKTOBER****2 ½ jam****Dua jam tiga puluh minit**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

TAHUN 2023

**SEJARAH
KERTAS 2**

TINGKATAN 5

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

- Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B***
- Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan tiga soalan dalam **Bahagian B***
- Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan*
- Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan*
- Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama kertas jawapan **Bahagian B***

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak.

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

BAHAGIAN A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan

1. Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pentadbiran yang sangat lengkap. Pentadbirannya mempunyai peringkat pentadbiran pusat dan peringkat jajahan.

- (a) Apakah **tiga** peranan bendahara?

.....
.....
.....
.....


[3 markah]

- (b) Berikan **tiga** tanggungjawab golongan pembesar peringkat jajahan.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Gambar menunjukkan sistem pentadbiran pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Sumber:<https://www.facebook.com/pagesukapas/photos/a.193229638019412/242344713107904/?type=3>

Berikan nilai yang diperoleh daripada pengamalan sistem pentadbiran tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2.

Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 selepas mendapat persetujuan Raja-raja Melayu bagi menggantikan pentadbiran Malayan Union.

- (a) Apakah faktor yang mendorong pembentukan PTM tersebut?

.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan ciri-ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Berdasarkan pengkajian anda, mengapakah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 penting terhadap pembinaan negara dan bangsa Malaysia pada hari ini?

.....
.....
.....

[4 markah]

3. Kebebasan asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang. Perlembagaan persekutuan menggariskan peruntukan berkaitan dengan kebebasan asasi.

- (a) Terangkan kebebasan asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan?

.....

.....

[2 markah]

- (b) Parlimen merupakan badan perundangan yang berfungsi menggubal undang-undang pada peringkat Kerajaan Persekutuan. Ulaskan pernyataan ini.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Rumuskan keunikan amalan demokrasi di negara kita.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 “Hari 13 Mei akan tercatit dalam sejarah kita sebagai hari tragedi nasional. Pada hari itu asas pentadbiran negara kita telah menerima paluan yang sehebat-hebatnya pernah dialami dengan meletusnya rusuhan antara kaum”

(The National Operations Council, 1974. The May 13 tragedy : A report. Kuala Lumpur Government Printers, hlm 88)

- (a) Apakah faktor yang membawa tragedi rusuhan kaum tersebut berlaku?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (b) Bagaimanakah pemimpin negara kita berjaya mengembalikan keamanan negara kita?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Berikut adalah sedutan ucapan Tunku Abdul Rahman menerusi RTM bertarikh 13 Mei 1969 kira-kira 10.30 malam.

“Kuala Lumpur telah menjadi satu bandar yang terang dengan api kebakaran di sana sini dan dapat dilihat dengan jelas dari rumah yang terletak di atas bukit. Inilah satu pemandangan yang sangat menyedihkan dan saya tidak menyangka saya akan menyaksikan kejadian yang seperti itu semasa hayat saya. Api yang menjilat bangunan itu telah menghanguskan segala usaha-usaha saya dalam beberapa tahun yang lepas untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bahagia dan aman, dan juga menghancurkan impian saya hendak menjadi perdana menteri yang paling bahagia sekali di dunia ini.”

Berdasarkan kandungan ucapan tersebut, jelaskan kesan ke atas ekonomi dan politik negara kita jika tragedi tersebut berulang.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini

5. Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) juga terkenal dengan nama Perang Pasifik telah berlaku pertempuran di Lautan Pasifik, Tanah Besar Asia dan Kepulauan Asia Tenggara. Perang Pasifik ini berpunca daripada kemunculan Jepun sebagai kuasa tentera di Asia yang telah menjalankan imperialisme di Rantau Asia Pasifik.

(Sumber: *Buku Teks KSSM Sejarah Tingkatan 4*)

- (a) Jelaskan dasar perluasan kuasa Jepun.
[6 markah]
- (b) Selain dari jawapan di 5(a), Jepun juga telah melakukan sekatan ekonomi dan juga rancangan penaklukan wilayah di selatan. Huraikan maklumat tersebut dengan lebih terperinci.
[6 markah]
- (c) Merujuk kepada bermulanya perang dunia kedua di Asia Pasifik, huraikan tindakan yang perlu dilakukan oleh pemimpin dunia agar dapat mengelakkan berlakunya perang tersebut.
[8 markah]

6. Pilihan raya merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberi peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk Kerajaan.

- (a) Jelaskan proses pilihan raya di negara kita sebelum merdeka.
[4 markah]
- (b) Bagaimakah Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 dilaksanakan?
[8 markah]
- (c) Keputusan Pilihan Raya Umum Pertama di Tanah Melayu telah dimenangi oleh Parti Perikatan dengan jumlah 51 kerusi.

Mengapakah calon Parti Perikatan menjadi pilihan rakyat?

[8 markah]

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

7. Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi dan panduan dalam sistem pemerintahan negara. Perlembagaan mempunyai dua ciri utama iaitu tradisional dan moden yang diperlukan bagi kestabilan serta kemajuan negara.

(a) Terangkan ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan.

[6 markah]

(b) Huraikan perkara yang dipinda dalam Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1963 dan 1965?

[6 markah]

(c)



(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia 2019)

Gambar ini menunjukkan mesej kepentingan menjawab semangat perlembagaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Berikan hujah anda.

[8 markah]

8.

		Perancangan Ekonomi 1971 – 2000
RRJP 1	1971-1975	Rancangan Malaysia Ke-2
Dasar Ekonomi Baru	1976-1980	Rancangan Malaysia Ke-3
1970-1990	1981-1985	Rancangan Malaysia Ke-4
	1986-1990	Rancangan Malaysia Ke-5
RRJP 1	1991-1995	Rancangan Malaysia Ke-6
Dasar Pembangunan Nasional	1996-2000	Rancangan Malaysia Ke-7
1991-2000		

Sumber: Asan, 2002; 2004

Maklumat berikut berkaitan perancangan nasional di antara tahun 1971 – 2000.

- (a) Terangkan latar belakang Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) [4 markah]
- (b) Jelaskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dalam tempoh masa 1991-2000. [8 markah]
- (c)

DEB dan DPN meneruskan usaha-usaha mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi bukan sahaj di kalangan kaum etnik, tetapi juga di antara golongan kaya dan miskin dan antara wilayah. Ketidakseimbangan ekonomi ini akan dapat dikurangkan berdasarkan prinsip Pembangunan seimbang dan pengagihan yang saksama untuk mencapai keadilan sosial dan memperkuatkan perpaduan negara

DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)
<https://www.pmo.gov.my> > dokumenattached

Berdasarkan petikan tersebut, jelaskan kesan jika isu ketidakseimbangan ekonomi tidak diselesaikan ?

[8 markah]

9. Rakyat Malaysia amat prihatin dan sanggup memberikan bantuan kepada golongan yang menghadapi musibah sama ada disebabkan perang mahupun bencana alam seperti misi kemanusiaan di Aceh. Antara NGO yang terlibat aktif seperti berikut :
- Malaysia Medical Relief Society (MERCY Malaysia)
 - Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
 - Yayasan Restu

- (a) Terangkan bentuk bantuan yang disalurkan oleh badan NGO di atas kepada rakyat Aceh. [6 markah]
- (b) Jelaskan manfaat Malaysia memeteraikan Perjanjian AFTA dengan negara ASEAN. [6 markah]
- (c) Sebagai generasi muda dalam komuniti ASEAN, cadangkan usaha anda untuk mengekalkan keamanan dalam kalangan warga ASEAN. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT